

# Mantapkan kefahaman Islam di ASEAN

**P**ERSIDANGAN Komuniti ASEAN (ACC) 2015 yang diadakan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi Selangor baru-baru ini diharap dapat memberi sumbangan kepada kefahaman masyarakat terhadap agama Islam.

Pelbagai isu dan agenda dibincangkan dalam persidangan itu, antaranya berkaitan ekonomi, keselamatan dan

sosiobudaya dalam konteks Malaysia sebagai pengerusi ASEAN pada tahun ini.

Persidangan itu yang berlangsung selama tiga hari bertemakan “Tamadun Islam Dalam Komuniti ASEAN: Cabaran Dan Harapan” merupakan anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama Universiti Putra Malaysia (UPM), ILIM dan Jabatan Kemajuan

Islam Malaysia (Jakim).

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Mohd. Dusuki. Yang turut hadir, Naib Canselor UKM, Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali; Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan dan Pengarah ILIM, Zawanah Mohammad.



**SEBAHAGIAN** peserta yang hadir ke ACC 2015 di ILIM, Bangi, Selangor, baru-baru ini.